LEXUS X MOFUSAND CONTEST 2026

(1 November 2026 to 31 December 2026)

Terms and Conditions

The following Terms and Conditions govern the participation of LEXUS X Mofusand Contest which is organised by Munchworld Marketing Sdn Bhd (Company No. 199001009927) ("Organiser").

By joining the Contest, all participants are deemed to have accepted these Terms and Conditions and that they agree to abide by them. The Organiser reserves the right to amend the Terms and Conditions at any time without prior notice.

1. ELIGIBILITY

1.1. This Contest is opened to all Malaysian citizens with a Malaysia contact number, aged 18 years and above. It also includes residents, work permit holders, and valid Malaysia pass holders who are over 18 years old and reside in Malaysia ("Participant").

1.2. Persons ineligible and excluded from this Contest are: (a) Employees of the Organiser, and/or their respective advertising, fulfilment, promotion agencies, partners, distributors, companies or participating businesses associated with this Contest; (b) Affiliates and subsidiaries and the immediate families, including spouses, parents, siblings, children and each of their spouses and household members of each of (a) and (b); (c) Persons who are prohibited under the laws of their country of citizenship, residency or domicile to participate in any games of chance and/or skill, or this Contest.

1.3. The Organiser reserves the right to disqualify any Participant who does not comply with any of the Terms and Conditions of this Contest or if the Organiser is of the view that the Participant fails to meet any of the Organiser's participation criteria.

2. CONTEST INFORMATION

2.1. This Contest starts from 1 November 2026 at 00:00hrs and ends on 31 December 2026 at 23:59hrs ("Contest Period") via WhatsApp number +6016-270 3128. Entries received outside the Contest Period will be disqualified. Eligible Participants may redeem their collected Cookies until 15 January 2027 at 23:59hrs ("Redemption Period"). Redemptions received after the Redemption Period will not be accepted.

2.2. The Organiser reserves the right to vary, extend, suspend, or terminate the Contest at its sole discretion or if the Contest is not capable of being continued for whatever reasons. Such termination or suspension shall not give rise to any claim by the Participant.

3. CONTEST MECHANICS

3.1. Before understanding the Contest mechanics, Participant(s) are advised to be aware of the implications of the nature of this Contest whereby the Organiser will not be responsible for any risks that might occur upon executing the Contest. Participant shall bear all risks taken and is best advised being mindful of the unforeseen circumstances.

3.2. The Contest mechanics are as below ("Contest Mechanism"):

Step 1 - Purchase any LEXUS product from participating physical stores nationwide or Munchy's official online stores within the Contest Period. Participants are advised to keep all receipts as proof of purchase ("Proof of Purchase").

Step 2 - Initiate participation via WhatsApp at +6016-270 3128, follow the link to the contest microsite, and complete the submission form with the required personal details and valid Proof of Purchase.

Step 3 - The Organiser will verify the receipt and credit the Cookies accordingly. Every RM2 spent on participating LEXUS products (within single receipt) = 1 Cookie.

Step 4 - Participants may check their approved Cookies balance and redeem eligible rewards in the microsite "Reward Shop" during the Contest Period and Redemption Period, subject to availability and applicable redemption limits.

Step 5 - For every 15 Cookies collected, the Participant will automatically receive one (1) free Grand Prize entry to stand a chance to win a RM12,000 Japan Trip. Redemption of exclusive Mofusand merchandise will not affect the number of Grand Prize entries earned.

3.4. Multiple entries are permitted. However, each submission must be supported by a different and valid Proof of Purchase. Each Proof of Purchase is valid for one (1) entry submission only.

3.5. The Organiser reserves the right to reject any Proof of Purchase that is incomplete, unclear, duplicated, damaged, edited, manipulated, or suspected to be fraudulent.

3.6. Receipt validation will take up to three (3) working days from the date of submission. Cookies will only be credited to the Participant's account upon successful receipt validation.

3.7. Cookies are calculated based on the spending amount on any LEXUS products. Any non-participating products shown in the same receipt will not be counted for Cookie calculation.

3.8. Any balance amount that does not meet the minimum RM2 requirement will not be carried forward or converted into Cookies.

Example: Spend RM5 on participating LEXUS products = 2 Cookies. The remaining RM1 will not be carried forward.

3.9. Cookies collected during the Contest Period must be used by 15 January 2027 at 23:59hrs. Any unused Cookies after the Redemption Period will be forfeited and will not be refunded, exchanged, or converted into cash or any other form of compensation.

4. CONTEST REWARDS AND PRIZES

4.1. Participants may collect Cookies to redeem exclusive Mofusand merchandise from the "Reward Shop" until 15 January 2027 at 23:59hrs, subject to availability and while stocks last.

Reward	Cookies Required
RM5 Touch 'n Go eWallet Reload PIN	10 Cookies
LEXUS X Mofusand Pouch	15 Cookies
LEXUS X Mofusand Tumbler	20 Cookies
LEXUS X Mofusand Tote Bag	25 Cookies

4.2. The number of available exclusive Mofusand merchandise is limited and will be awarded on a first-come, first-served basis, subject to successful receipt validation and Cookie availability.

4.3. The redemption of exclusive Mofusand merchandise is strictly subject to availability. The Organiser does not guarantee the availability of any reward throughout the Contest Period and Redemption Period.

4.3A. Each Participant may redeem a maximum of three (3) LEXUS X Mofusand physical merchandise rewards in total throughout the Contest Period and Redemption Period, regardless of the merchandise type selected. Once this limit is reached, further Mofusand merchandise redemptions will not be permitted. This limit does not apply to RM5 Touch 'n Go eWallet Reload PIN redemptions unless otherwise expressly stated.

4.3B. Reward redemption requests must be successfully submitted no later than 15 January 2027 at 23:59hrs. A processing and fulfilment lead time of up to thirty (30) calendar days may apply from successful redemption, subject to reward availability and the submission of all required details. Fulfilment may therefore continue after the Redemption Period has ended.

4.4. The Organiser reserves the right to replace and/or substitute any reward with any other item of similar value as determined by the Organiser, its agents, or sponsors.

4.5. All exclusive Mofusand merchandise are awarded "as is" and are strictly non- transferable, non-refundable, and non-exchangeable for cash, credit, or any other items.

4.6. Participants are responsible to ensure that all information submitted for reward fulfilment is accurate and complete. The Organiser shall not be responsible for any failed fulfilment due to incorrect, incomplete, or outdated details provided by the Participant.

4.7. Touch ‘n Go eWallet Reload PINs must be redeemed before the expiry date stated in the message sent to the Participant. The Organiser shall not be responsible for any expired, lost, or shared PIN codes. The Reload PIN will be provided through the microsite redemption flow once issued, and Participants are responsible for recording and safeguarding the PIN.

4.8. For physical merchandise redemptions, the Organiser may request the Participant to provide delivery details. Failure to provide complete delivery details within the requested timeline may result in forfeiture of the reward. Please allow up to thirty (30) calendar days from successful redemption and confirmation of complete delivery details for reward processing and fulfilment. Physical merchandise delivery progress may be viewed in the microsite under the statuses “Processing”, “Shipped” and “Delivered”. Delivery timing may vary according to destination and courier arrangements.

5. GRAND PRIZE

5.1. Participants will receive one (1) Grand Prize entry for every 15 Cookies collected during the Contest Period.

5.2. The Grand Prize is a RM12,000 Japan Trip.

5.3. The Grand Prize shall be awarded in the form of a travel voucher equivalent to the stated value of the prize. The travel voucher shall be valid for one (1) year from the date of issuance and may only be redeemed up to the value of the voucher.

All travel arrangements and bookings shall be made through the travel agency appointed by the Organiser, subject to the travel agency’s applicable booking terms, availability, and requirements.

Any additional costs exceeding the value of the travel voucher, including but not limited to upgrades, additional travellers, extended stays, optional activities, changes to the itinerary, or other add-ons, shall be borne by the winner and paid directly to the appointed travel agency.

The Organiser will provide the relevant redemption and booking details to the winner upon confirmation of the prize.

5.4. The Grand Prize is awarded “as is” and is strictly non-transferable, non-refundable, and non-exchangeable for cash, credit, or any other items, unless otherwise determined by the Organiser.

5.5. The Organiser reserves the right to replace and/or substitute the Grand Prize with any other prize of similar value as determined by the Organiser, its agents, or sponsors.

5.6. All costs, expenses, taxes, travel documents, visa applications, insurance, personal expenses, additional transportation, meals, accommodation upgrades, or any other incidental expenses not expressly stated as included in the Grand Prize shall be borne solely by the Winner.

5.7. The Winner shall be responsible to ensure that they are eligible to travel and possess valid travel documents. The Organiser shall not be held responsible if the Winner is unable to travel due to invalid travel documents, visa rejection, medical condition, travel restrictions, personal reasons, or any other circumstances beyond the Organiser’s control.

6. WINNER SELECTION

6.1. Winner selection will be conducted after the Contest Period from qualified Grand Prize entries received from 1st November 2026 at 00:00hrs to 31st December 2026 at 23:59hrs, using a computerised randomiser.

6.2. Each Participant may receive multiple Grand Prize entries based on the total Cookies collected. Every 15 Cookies collected will entitle the Participant to one (1) Grand Prize entry.

6.3. Where a Winner is unable to be contacted, fails to provide required information, is subsequently found to be ineligible or disqualified, or for any reason whatsoever, the Organiser reserves the right to select an alternative Winner.

6.4. The winner will be contacted via WhatsApp.

6.5. The Organiser reserves the right to change the winner announcement date.

6.6. Winner(s) will be determined by the Organiser upon filtering entries that fully comply with the Terms and Conditions. The Organiser’s decision on the Winner list is final. No further correspondence or appeal will be entertained.

7. DISQUALIFICATION

7.1. The Organiser reserves the right to ascertain if the Participant is a legitimate entrant. If the Participant is found to have breached the Terms and Conditions, the

Organiser reserves the right to disqualify the Participant and his/her entries, Cookies, redemption, rewards, and/or prizes.

7.2. The Organiser reserves the right to invalidate and disqualify any entries, regardless of announcement to the public, for failure to follow and/or conform to any of the provisions in these Terms and Conditions.

7.3. The Organiser reserves the right to disqualify any participation with incomplete, illegible, duplicated, manipulated, unclear, suspicious, or invalid Proof of Purchase without prior notice.

7.4. The Organiser reserves the right to forfeit any Cookies, rewards, prizes, or entries if the Participant is found to have submitted fraudulent, edited, duplicated, or non- genuine receipts.

8. ORGANISER'S RIGHTS

8.1. The Organiser reserves the sole right and discretion to delete, remove, not consider, or reject any entries that is deemed by it to be improper or offensive in whatever nature.

8.2. By participating in this Contest, the Participant(s) agrees that the Organiser may publish or display materials or information, including but not limited to names and photos of all Participants or the stories submitted in the entries for marketing, advertising, and publicity purposes in any manner as deemed appropriate by the Organiser. The Organiser further reserves the right to use any personal data of Participant(s) in any manner and/or for any purpose as deemed fit by the Organiser and the Participant(s) are deemed to consent to such use by participating in the Contest with no monetary payment whatsoever.

8.3. The Organiser or its agents are not responsible or liable for: (i) lost, late, or incomplete submissions, which will be disqualified; (ii) technical failures of any kind, including but not limited to electronic malfunction of any network, hardware, or software; or (iii) for any error, human, technical, or otherwise.

8.4. Subject to the terms and conditions herein, each submission with proof of purchase is eligible to be selected as the winning submission and may be used for publicity, marketing, and advertising purposes worldwide without limitation in any manner whatsoever and in any part of the world as the Organiser shall in its sole discretion deem fit.

8.5. The Participant takes part in this Contest entirely at his/her own risk. The Organiser will not be liable to the Participant for any loss, mishap, injury, damage, or accidents to

any persons or property whatsoever and any claims, damages, or losses thereto arising from their participation or non-participation in the Contest and/or redemption or fulfilment of the rewards or prize(s).

8.6. The Contest has no affiliation to Facebook, Instagram, TikTok, WhatsApp, or any other social media platform, nor is it sponsored, supported, or organised by Facebook, Instagram, TikTok, WhatsApp, or any other social media platform. The sole organiser of the Contest and recipient of all information provided by the Participant in relation to the Contest is the Organiser. Facebook, Instagram, TikTok, WhatsApp, and/or any other social media platform is indemnified against all liability in connection with the Contest.

8.7. The Terms and Conditions herein shall prevail over any inconsistent terms, conditions, provisions, or representations contained in any other promotional or advertising materials for the Contest. In the event of any inconsistency, conflict, ambiguity, or discrepancy between the English version and any other language version of these Terms and Conditions, the English version shall always prevail.

9. PRIVACY POLICY

9.1. General The Organiser respects the privacy of every individual who visits the Organiser's digital platforms or responds to the Organiser's interactive advertisements. This Privacy Statement outlines the information the Organiser will collect and use that information. This Statement will also instruct the Participant on what to do if the Participant does not want their personal information collected or shared when they visit the Organiser's sites or respond to the Organiser's advertisements.

9.2. Personally Identifiable Information The Organiser will not collect any personally identifiable information about the Participant unless the Participant provides it to the Organiser voluntarily.

9.3. If the Participant does not want their personally identifiable information collected, they should not submit it to the Organiser. If the information has been submitted and the Participant would like for the Organiser to change or remove it from the Organiser's records, the Participant may request by writing to the Organiser via postal to Munchworld Marketing Sdn Bhd, Centro Building, 23rd Floor, 8, Jalan Batu Tiga Lama, 41300 Klang, Selangor, Malaysia. The Organiser will use reasonable efforts to delete the Participant's information from the existing files.

9.4. When the Participant provides the Organiser with personally identifiable information, the Organiser may use that information in the following ways, unless stated otherwise: The Organiser may store and process that information to better understand the Participant's needs and how the Organiser can improve their products

and services; The Organiser may use that information to contact the Participant; and The Organiser may provide that information to third parties.

9.5. Personal Data Protection Any personal information, including without limitation, the participant's name, NRIC no., age, address (including postcode), telephone number and/or email address will be collected, stored, used and disclosed strictly in compliance with the Personal Data Protection Act 2010 ("the ACT") and therefore, solely in connection with this Contest and for any purpose for which the participant specifically opts in and will not be disclosed to any third party (other than the Organiser's parent, subsidiaries, affiliates, shareholders, directors, employees, contractors and agents assisting in conducting the Contest) except for the purpose of delivering the prizes in accordance with the Terms and Conditions herein.

9.6. Children The Organiser has no intention of collecting any personally identifiable information from individuals under 18 years of age. Where appropriate, the Organiser will specifically instruct children not to submit such information on the Organiser's sites or advertisements. If a child has provided personally identifiable information to the Organiser, a parent or guardian of that child should contact the Organiser if they would like this information deleted from the Organiser's records.

9.7. Non-Personally Identifiable Information Collected Automatically In some cases, the Organiser may collect information about the Participant that is not personally identifiable. Examples of this type of information include the type of Internet Browser the Participant is using, the type of computer operating system the Participant is using, and the domain name of the site from which the Participant linked to the Organiser's site or advertisement.

9.8. Information We May Place Automatically on Your Computer's Hard Drive When the Participant views one of the Organiser's sites or advertisements, the Organiser may store some information on the Participant's computer. This information will be in the form of a "Cookie" or similar file and will help the Organiser in many ways. For example, Cookies allow the Organiser to tailor a site or advertisement to better match the Participant's interests and preferences. With most Internet Browsers, the Participant can erase Cookies from their computer hard drive, block all Cookies, or receive a warning before a Cookie is stored. The Participant should refer to the Browser instructions or help screen to learn more about these functions.

COPYRIGHT © 2026 Munchworld Marketing Sdn Bhd. ALL RIGHT RESERVED. TERMS AND CONDITIONS PRIVACY POLICY.

APPENDIX

Spending and Cookie Accumulation Examples (by same participant)

Date	Spending on LEXUS Products	Cookies Earned	Accumulated Cookies	Free Grand Prize Entries
5 Nov 2026	RM9.90	4 Cookies	4 Cookies	0 Entry
12 Nov 2026	RM12.50	6 Cookies	10 Cookies	0 Entry
20 Nov 2026	RM11.00	5 Cookies	15 Cookies	1 Entry

Redemption Examples

User	Initial Wallet	Reward Redeemed	Cookies Used	Balance After Redemption
User A	15 Cookies + 1 Grand Prize Entry	RM5 Touch 'n Go eWallet Reload PIN	10 Cookies	5 Cookies + 1 Grand Prize Entry
User B	30 Cookies + 2 Grand Prize Entries	LEXUS X Mofusand Tumbler	20 Cookies	10 Cookies + 2 Grand Prize Entries
User C	45 Cookies + 3 Grand Prize Entries	LEXUS X Mofusand Tote Bag	25 Cookies	20 Cookies + 3 Grand Prize Entries

PERADUAN LEXUS X MOFUSAND CONTEST 2026

(1 November 2026 hingga 31 Disember 2026)

TERMA DAN SYARAT

Terma dan Syarat berikut mengawal penyertaan dalam LEXUS X Mofusand Contest yang dianjurkan oleh Munchworld Marketing Sdn Bhd (No. Syarikat 199001009927) (“Penganjur”).

Dengan menyertai Peraduan ini, semua peserta dianggap telah menerima Terma dan Syarat ini dan bersetuju untuk mematuhinya. Penganjur berhak untuk meminda Terma dan Syarat ini pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

1. KELAYAKAN

1.1. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang mempunyai nombor telefon Malaysia, berumur 18 tahun dan ke atas. Ia turut merangkumi pemastautin, pemegang permit kerja dan pemegang pas Malaysia yang sah, yang berumur lebih daripada 18 tahun dan menetap di Malaysia (“Peserta”).

1.2. Individu berikut tidak layak dan dikecualikan daripada menyertai Peraduan ini:

(a) Kakitangan Penganjur dan/atau agensi pengiklanan, pemenuhan hadiah, promosi, rakan kongsi, pengedar, syarikat atau perniagaan yang mengambil bahagian dan berkaitan dengan Peraduan ini;

(b) Syarikat bersekutu dan anak syarikat serta ahli keluarga terdekat mereka, termasuk pasangan, ibu bapa, adik-beradik, anak-anak dan pasangan masing-masing serta ahli isi rumah bagi setiap pihak yang dinyatakan dalam (a) dan (b);

(c) Individu yang dilarang di bawah undang-undang negara kewarganegaraan, pemastautinan atau domisil mereka daripada menyertai sebarang permainan berasaskan nasib dan/atau kemahiran, atau Peraduan ini.

1.3. Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang gagal mematuhi mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini atau sekiranya Penganjur berpendapat bahawa Peserta gagal memenuhi mana-mana kriteria penyertaan yang ditetapkan oleh Penganjur.

2. MAKLUMAT PERADUAN

2.1. Peraduan ini bermula pada 1 November 2026 jam 00:00 dan berakhir pada 31 Disember 2026 jam 23:59 (“Tempoh Peraduan”) melalui nombor WhatsApp +6016-270 3128. Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan kelayakannya.

Peserta yang layak boleh menebus Cookies yang telah dikumpulkan sehingga 15 Januari 2027 jam 23:59 (“Tempoh Penebusan”). Sebarang penebusan yang diterima selepas Tempoh Penebusan tidak akan diterima.

2.2. Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan, menggantung atau menamatkan Peraduan ini atas budi bicara mutlaknya atau sekiranya Peraduan tidak dapat diteruskan atas apa jua sebab. Sebarang penamatan atau penggantungan tersebut tidak akan memberi hak kepada Peserta untuk membuat sebarang tuntutan.

3. MEKANISME PERADUAN

3.1. Sebelum memahami mekanisme Peraduan, Peserta dinasihatkan supaya menyedari implikasi daripada sifat Peraduan ini, di mana Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang risiko yang mungkin berlaku semasa pelaksanaan Peraduan. Peserta hendaklah menanggung segala risiko yang diambil dan dinasihatkan supaya mengambil kira sebarang keadaan yang tidak dijangka.

3.2. Mekanisme Peraduan adalah seperti berikut (“Mekanisme Peraduan”):

Langkah 1

Beli mana-mana produk LEXUS daripada kedai fizikal yang mengambil bahagian di seluruh negara atau kedai rasmi dalam talian Munchy’s dalam Tempoh Peraduan. Peserta dinasihatkan supaya menyimpan semua resit sebagai bukti pembelian (“Bukti Pembelian”).

Langkah 2

Mulakan penyertaan melalui WhatsApp di +6016-270 3128, ikuti pautan ke mikrolaman peraduan dan lengkapkan borang penyertaan dengan maklumat peribadi yang diperlukan serta Bukti Pembelian yang sah.

Langkah 3

Penganjur akan mengesahkan resit dan mengkreditkan Cookies yang berkaitan. Setiap RM2 yang dibelanjakan untuk produk LEXUS yang mengambil bahagian dalam satu resit = 1 Cookie.

Langkah 4

Peserta boleh menyemak baki Cookies yang telah diluluskan dan menebus ganjaran yang layak melalui “Reward Shop” di mikrolaman sepanjang Tempoh Peraduan dan Tempoh Penebusan, tertakluk kepada ketersediaan dan had penebusan yang berkenaan.

Langkah 5

Bagi setiap 15 Cookies yang dikumpulkan, Peserta secara automatik akan menerima satu (1) penyertaan percuma untuk Hadiah Utama bagi peluang memenangi Percutian ke Jepun bernilai RM12,000.

Penebusan barangan eksklusif Mofusand tidak akan menjejaskan jumlah penyertaan Hadiah Utama yang telah diperoleh.

3.4. Penyertaan berganda dibenarkan. Walau bagaimanapun, setiap penyertaan mesti disokong oleh Bukti Pembelian yang berbeza dan sah. Setiap Bukti Pembelian hanya sah untuk satu (1) penyertaan sahaja.

3.5. Penganjur berhak menolak mana-mana Bukti Pembelian yang tidak lengkap, tidak jelas, berulang, rosak, disunting, diubah suai atau disyaki sebagai penipuan.

3.6. Pengesahan resit akan mengambil masa sehingga tiga (3) hari bekerja dari tarikh penghantaran. Cookies hanya akan dikreditkan ke akaun Peserta selepas pengesahan resit berjaya.

3.7. Cookies dikira berdasarkan jumlah perbelanjaan bagi mana-mana produk LEXUS. Sebarang produk yang tidak mengambil bahagian yang tertera dalam resit yang sama tidak akan diambil kira dalam pengiraan Cookies.

3.8. Sebarang baki jumlah yang tidak memenuhi minimum RM2 tidak akan dibawa ke hadapan atau ditukar kepada Cookies.

Contoh:

Belanja RM5 untuk produk LEXUS yang mengambil bahagian = 2 Cookies. Baki RM1 tidak akan dibawa ke hadapan.

3.9. Cookies yang dikumpulkan sepanjang Tempoh Peraduan mesti digunakan selewat- lewatnya pada 15 Januari 2027 jam 23:59. Sebarang Cookies yang tidak digunakan

selepas Tempoh Penebusan akan dilucutkan dan tidak akan dikembalikan, ditukar atau digantikan dengan wang tunai atau sebarang bentuk pampasan lain.

4. GANJARAN DAN HADIAH PERADUAN

4.1. Peserta boleh mengumpul Cookies untuk menebus barangan eksklusif Mofusand daripada “Reward Shop” sehingga 15 Januari 2027 jam 23:59, tertakluk kepada ketersediaan dan selagi stok masih ada.

Ganjaran	**Cookies Diperlukan**
RM5 Touch ‘n Go eWallet Reload PIN	10 Cookies
LEXUS X Mofusand Pouch	15 Cookies
LEXUS X Mofusand Tumbler	20 Cookies
LEXUS X Mofusand Tote Bag	25 Cookies

4.2. Jumlah barangan eksklusif Mofusand yang tersedia adalah terhad dan akan diberikan berdasarkan ketersediaan dan urutan penyertaan yang diterima "first-come, first-served basis", tertakluk kepada pengesahan resit yang berjaya dan jumlah Cookies yang tersedia.

4.3. Penebusan barangan eksklusif Mofusand adalah tertakluk sepenuhnya kepada ketersediaan. Penganjur tidak menjamin ketersediaan mana-mana ganjaran sepanjang Tempoh Peraduan dan Tempoh Penebusan.

4.3A. Setiap Peserta boleh menebus maksimum tiga (3) ganjaran barangan fizikal LEXUS X Mofusand secara keseluruhan sepanjang Tempoh Peraduan dan Tempoh Penebusan, tanpa mengira jenis barangan yang dipilih. Setelah had ini dicapai, penebusan barangan Mofusand selanjutnya tidak dibenarkan. Had ini tidak terpakai kepada penebusan PIN Tambah Nilai Touch ‘n Go eWallet RM5 melainkan dinyatakan sebaliknya secara jelas.

4.3B. Permohonan penebusan ganjaran mesti berjaya dikemukakan selewat-lewatnya pada 15 Januari 2027 jam 23:59. Tempoh pemprosesan dan pemenuhan sehingga tiga puluh (30) hari kalendar mungkin diperlukan selepas penebusan berjaya, tertakluk kepada ketersediaan ganjaran dan penyerahan semua maklumat yang diperlukan. Oleh itu, pemenuhan ganjaran boleh diteruskan selepas Tempoh Penebusan tamat.

4.4. Penganjur berhak untuk menggantikan dan/atau menukar mana-mana ganjaran dengan item lain yang mempunyai nilai yang sama atau setara sebagaimana yang ditentukan oleh Penganjur, ejen atau penajanya.

4.5. Semua barangan eksklusif Mofusand diberikan berdasarkan ketersediaan dan urutan penyertaan yang diterima "first-come, first-served basis" dan tidak boleh dipindah milik, dikembalikan atau ditukar dengan wang tunai, kredit atau sebarang item lain.

4.6. Peserta bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua maklumat yang dikemukakan bagi tujuan pemenuhan ganjaran adalah tepat dan lengkap. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan pemenuhan ganjaran yang disebabkan oleh maklumat yang salah, tidak lengkap atau tidak terkini yang diberikan oleh Peserta.

4.7. Touch ‘n Go eWallet Reload PIN mesti ditebus sebelum tarikh luput yang dinyatakan dalam mesej yang dihantar kepada Peserta. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap mana-mana kod PIN yang telah tamat tempoh, hilang atau dikongsi. PIN Tambah Nilai akan disediakan melalui aliran penebusan mikrolaman setelah dikeluarkan dan Peserta bertanggungjawab menyimpan serta menjaga kerahsiaan PIN tersebut.

4.8. Bagi penebusan barangan fizikal, Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan maklumat penghantaran. Kegagalan memberikan maklumat penghantaran yang lengkap dalam tempoh yang ditetapkan boleh menyebabkan ganjaran dibatalkan.

Sila benarkan tempoh sehingga tiga puluh (30) hari kalendar dari tarikh penebusan berjaya dan pengesahan maklumat penghantaran yang lengkap untuk pemprosesan serta pemenuhan ganjaran. Status penghantaran barangan fizikal boleh disemak di mikrolaman melalui status “Processing”, “Shipped” dan “Delivered”. Tempoh penghantaran mungkin berbeza mengikut destinasi dan urusan kurier.

5. HADIAH UTAMA

5.1. Peserta akan menerima satu (1) penyertaan Hadiah Utama bagi setiap 15 Cookies yang dikumpulkan sepanjang Tempoh Peraduan.

5.2. Hadiah Utama ialah Percutian ke Jepun bernilai RM12,000.

5.3. Hadiah Utama akan diberikan dalam bentuk baucar perjalanan yang bersamaan dengan nilai hadiah yang dinyatakan. Baucar perjalanan tersebut sah untuk tempoh satu (1) tahun dari tarikh dikeluarkan dan hanya boleh ditebus sehingga nilai yang dinyatakan pada baucar tersebut.

Segala urusan perjalanan dan tempahan hendaklah dibuat melalui agensi pelancongan yang dilantik oleh Penganjur, tertakluk kepada terma tempahan, ketersediaan dan keperluan yang ditetapkan oleh agensi pelancongan tersebut.

Sebarang kos tambahan yang melebihi nilai baucar perjalanan, termasuk tetapi tidak terhad kepada naik taraf, penambahan pelancong, lanjutan tempoh penginapan, aktiviti pilihan, perubahan jadual perjalanan atau tambahan lain, hendaklah ditanggung oleh Pemenang dan dibayar terus kepada agensi pelancongan yang dilantik.

Penganjur akan memberikan maklumat berkaitan penebusan dan tempahan kepada Pemenang selepas Hadiah Utama disahkan.

5.4. Hadiah Utama diberikan berdasarkan ketersediaan dan urutan penyertaan yang diterima "first-come, first-served basis" dan tidak boleh dipindah milik, dikembalikan atau ditukar dengan wang tunai, kredit atau sebarang item lain, melainkan ditentukan sebaliknya oleh Penganjur.

5.5. Penganjur berhak menggantikan dan/atau menukar Hadiah Utama dengan hadiah lain yang mempunyai nilai yang sama atau setara sebagaimana ditentukan oleh Penganjur, ejen atau penajanya.

5.6. Segala kos, perbelanjaan, cukai, dokumen perjalanan, permohonan visa, insurans, perbelanjaan peribadi, pengangkutan tambahan, makanan, naik taraf penginapan atau sebarang perbelanjaan sampingan lain yang tidak dinyatakan secara jelas sebagai termasuk dalam Hadiah Utama hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh Pemenang.

5.7. Pemenang bertanggungjawab untuk memastikan bahawa beliau layak untuk melakukan perjalanan dan mempunyai dokumen perjalanan yang sah. Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang tidak dapat melakukan perjalanan disebabkan oleh dokumen perjalanan yang tidak sah, penolakan visa, keadaan kesihatan, sekatan perjalanan, sebab peribadi atau apa-apa keadaan lain yang berada di luar kawalan Penganjur.

6. PEMILIHAN PEMENANG

6.1. Pemilihan Pemenang akan dijalankan selepas Tempoh Peraduan daripada penyertaan Hadiah Utama yang layak dan diterima dari 1 November 2026 jam 00:00 hingga 31 Disember 2026 jam 23:59, menggunakan sistem pemilihan rawak berkomputer.

6.2. Setiap Peserta boleh menerima beberapa penyertaan Hadiah Utama berdasarkan jumlah Cookies yang dikumpulkan. Setiap 15 Cookies yang dikumpulkan akan melayakkan Peserta menerima satu (1) penyertaan Hadiah Utama.

6.3. Sekiranya Pemenang tidak dapat dihubungi, gagal memberikan maklumat yang diperlukan, kemudiannya didapati tidak layak atau dibatalkan kelayakannya, atau atas apa-apa sebab sekalipun, Penganjur berhak memilih Pemenang alternatif.

6.4. Pemenang akan dihubungi melalui WhatsApp.

6.5. Penganjur berhak untuk mengubah tarikh pengumuman Pemenang.

6.6. Pemenang akan ditentukan oleh Penganjur selepas menapis penyertaan yang mematuhi sepenuhnya Terma dan Syarat. Keputusan Penganjur berhubung senarai Pemenang adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat atau rayuan selanjutnya tidak akan dilayan.

7. PEMBATALAN KELAYAKAN

7.1. Penganjur berhak untuk menentukan sama ada Peserta merupakan penyertaan yang sah. Sekiranya Peserta didapati melanggar Terma dan Syarat, Penganjur berhak

membatalkan kelayakan Peserta serta penyertaan, Cookies, penebusan, ganjaran dan/atau hadiah Peserta.

7.2. Penganjur berhak membatalkan dan menyingkirkan mana-mana penyertaan, tanpa mengira sama ada telah diumumkan kepada orang ramai atau tidak, sekiranya gagal mengikuti dan/atau mematuhi mana-mana peruntukan dalam Terma dan Syarat ini.

7.3. Penganjur berhak membatalkan kelayakan mana-mana penyertaan yang mempunyai Bukti Pembelian yang tidak lengkap, tidak boleh dibaca, berulang, diubah suai, tidak jelas, mencurigakan atau tidak sah tanpa notis terlebih dahulu.

7.4. Penganjur berhak melucutkan mana-mana Cookies, ganjaran, hadiah atau penyertaan sekiranya Peserta didapati telah mengemukakan resit palsu, disunting, berulang atau tidak tulen.

8. HAK PENGANJUR

8.1. Penganjur mempunyai hak dan budi bicara mutlak untuk memadam, membuang, tidak mempertimbangkan atau menolak mana-mana penyertaan yang dianggap tidak sesuai atau menyinggung perasaan dalam apa jua bentuk.

8.2. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju bahawa Penganjur boleh menerbitkan atau memaparkan bahan atau maklumat, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama dan gambar semua Peserta atau cerita yang dikemukakan dalam penyertaan, bagi tujuan pemasaran, pengiklanan dan publisiti dalam apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh Penganjur.

Penganjur selanjutnya berhak menggunakan apa-apa data peribadi Peserta dalam apa- apa cara dan/atau untuk apa-apa tujuan yang dianggap sesuai oleh Penganjur, dan Peserta dianggap telah memberikan persetujuan terhadap penggunaan tersebut dengan menyertai Peraduan ini tanpa sebarang bayaran kewangan.

8.3. Penganjur atau ejennya tidak bertanggungjawab atau menanggung liabiliti terhadap:

(i) penyertaan yang hilang, lewat atau tidak lengkap, yang akan dibatalkan kelayakannya;

(ii) sebarang kegagalan teknikal, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerosakan elektronik pada rangkaian, perkakasan atau perisian; atau

(iii) sebarang kesilapan, sama ada kesilapan manusia, teknikal atau selainnya.

8.4. Tertakluk kepada Terma dan Syarat ini, setiap penyertaan dengan Bukti Pembelian layak untuk dipilih sebagai penyertaan pemenang dan boleh digunakan bagi tujuan publisiti, pemasaran dan pengiklanan di seluruh dunia tanpa had, dalam apa-apa cara dan di mana-mana bahagian dunia sebagaimana yang dianggap sesuai oleh Penganjur atas budi bicara mutlaknya.

8.5. Peserta menyertai Peraduan ini sepenuhnya atas risiko sendiri. Penganjur tidak akan bertanggungjawab kepada Peserta terhadap sebarang kehilangan, kemalangan, kecederaan, kerosakan atau kejadian yang melibatkan mana-mana individu atau harta benda, serta sebarang tuntutan, kerosakan atau kerugian yang timbul daripada penyertaan atau ketidaksertaan dalam Peraduan dan/atau penebusan atau pemenuhan ganjaran atau hadiah.

8.6. Peraduan ini tidak mempunyai sebarang hubungan dengan Facebook, Instagram, TikTok, WhatsApp atau mana-mana platform media sosial lain, dan tidak ditaja, disokong atau dianjurkan oleh Facebook, Instagram, TikTok, WhatsApp atau mana-mana platform media sosial lain.

Penganjur tunggal Peraduan ini dan penerima semua maklumat yang diberikan oleh Peserta berkaitan Peraduan ialah Penganjur. Facebook, Instagram, TikTok, WhatsApp dan/atau mana-mana platform media sosial lain dilepaskan daripada segala liabiliti berkaitan dengan Peraduan ini.

8.7. Terma dan Syarat ini akan mengatasi mana-mana terma, syarat, peruntukan atau representasi yang tidak selaras yang terkandung dalam mana-mana bahan promosi atau pengiklanan lain bagi Peraduan ini.

Sekiranya terdapat sebarang ketidakselarasan, percanggahan, kekaburan atau perbezaan antara versi Bahasa Inggeris dengan mana-mana versi bahasa lain bagi Terma dan Syarat ini, versi Bahasa Inggeris hendaklah sentiasa diguna pakai.

9. DASAR PRIVASI

9.1. Umum

Penganjur menghormati privasi setiap individu yang mengunjungi platform digital Penganjur atau memberi respons kepada iklan interaktif Penganjur.

Pernyataan Privasi ini menerangkan maklumat yang akan dikumpulkan oleh Penganjur dan bagaimana maklumat tersebut akan digunakan. Pernyataan ini juga akan memaklumkan kepada Peserta tentang tindakan yang perlu diambil sekiranya Peserta tidak mahu maklumat peribadinya dikumpulkan atau dikongsi apabila melawat laman Penganjur atau memberi respons kepada iklan Penganjur.

9.2. Maklumat Pengenalan Peribadi

Penganjur tidak akan mengumpul sebarang maklumat pengenalan peribadi mengenai Peserta melainkan Peserta memberikannya kepada Penganjur secara sukarela.

9.3. Sekiranya Peserta tidak mahu maklumat pengenalan peribadinya dikumpulkan, Peserta tidak seharusnya mengemukakan maklumat tersebut kepada Penganjur.

Sekiranya maklumat tersebut telah dikemukakan dan Peserta mahu Penganjur mengubah atau membuang maklumat tersebut daripada rekod Penganjur, Peserta boleh membuat permohonan secara bertulis melalui pos kepada:

Munchworld Marketing Sdn Bhd

Centro Building, 23rd Floor,

8, Jalan Batu Tiga Lama,

41300 Klang, Selangor, Malaysia.

Penganjur akan menggunakan usaha yang munasabah untuk memadam maklumat Peserta daripada fail sedia ada.

9.4. Apabila Peserta memberikan maklumat pengenalan peribadi kepada Penganjur, Penganjur boleh menggunakan maklumat tersebut dengan cara berikut, melainkan dinyatakan sebaliknya:

Penganjur boleh menyimpan dan memproses maklumat tersebut untuk memahami dengan lebih baik keperluan Peserta serta bagaimana Penganjur boleh menambah baik produk dan perkhidmatannya; Penganjur boleh menggunakan maklumat tersebut untuk menghubungi Peserta; dan Penganjur boleh memberikan maklumat tersebut kepada pihak ketiga.

9.5. Perlindungan Data Peribadi

Sebarang maklumat peribadi, termasuk tetapi tidak terhad kepada nama Peserta, No. Kad Pengenalan (NRIC), umur, alamat (termasuk poskod), nombor telefon dan/atau alamat e-mel akan dikumpul, disimpan, digunakan dan didedahkan dengan ketat mematuhi Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta") dan oleh itu, semata-mata berkaitan dengan Peraduan ini dan bagi apa-apa tujuan yang dipersetujui secara khusus oleh Peserta melalui pilihan ikut serta (opt-in), dan tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga (selain syarikat induk, anak syarikat, sekutu, pemegang saham, pengarah, kakitangan, kontraktor dan ejen Penganjur yang

membantu dalam mengendalikan Peraduan) kecuali bagi tujuan penghantaran hadiah selaras dengan Terma dan Syarat di sini.

9.6. Kanak-kanak

Penganjur tidak berhasrat untuk mengumpul sebarang maklumat pengenalan peribadi daripada individu yang berumur di bawah 18 tahun.

Jika bersesuaian, Penganjur akan secara khusus mengarahkan kanak-kanak supaya tidak mengemukakan maklumat tersebut melalui laman atau iklan Penganjur.

Sekiranya seorang kanak-kanak telah memberikan maklumat pengenalan peribadi kepada Penganjur, ibu bapa atau penjaga kanak-kanak tersebut hendaklah menghubungi Penganjur sekiranya mereka mahu maklumat tersebut dipadam daripada rekod Penganjur.

9.7. Maklumat Bukan Pengenalan Peribadi yang Dikumpulkan Secara Automatik

Dalam sesetengah keadaan, Penganjur mungkin mengumpul maklumat mengenai Peserta yang tidak boleh mengenal pasti Peserta secara peribadi.

Contoh maklumat tersebut termasuk jenis pelayar Internet yang digunakan oleh Peserta, jenis sistem pengendalian komputer yang digunakan dan nama domain laman yang membawa Peserta ke laman atau iklan Penganjur.

9.8. Maklumat yang Mungkin Diletakkan Secara Automatik pada Cakera Keras Komputer Anda

Apabila Peserta melihat salah satu laman atau iklan Penganjur, Penganjur mungkin menyimpan beberapa maklumat pada komputer Peserta.

Maklumat ini akan berbentuk "Cookie" atau fail yang serupa dan akan membantu Penganjur dalam pelbagai cara. Sebagai contoh, Cookies membolehkan Penganjur menyesuaikan laman atau iklan supaya lebih sepadan dengan minat dan pilihan Peserta.

Dengan kebanyakan pelayar Internet, Peserta boleh memadam Cookies daripada cakera keras komputer, menyekat semua Cookies atau menerima amaran sebelum Cookie disimpan. Peserta hendaklah merujuk kepada arahan pelayar atau skrin bantuan untuk mengetahui lebih lanjut mengenai fungsi tersebut.

HAK CIPTA © 2026 Munchworld Marketing Sdn Bhd. HAK CIPTA TERPELIHARA. TERMA DAN SYARAT. DASAR PRIVASI.

LAMPIRAN

Contoh Perbelanjaan dan Pengumpulan Cookies

(oleh Peserta yang sama)

Tarikh	Perbelanjaan Produk LEXUS	Cookies Diperoleh	Cookies Terkumpul	Penyertaan Percuma Hadiah Utama
5 Nov 2026	RM9.90	4 Cookies	4 Cookies	0 Penyertaan
12 Nov 2026	RM12.50	6 Cookies	10 Cookies	0 Penyertaan
20 Nov 2026	RM11.00	5 Cookies	15 Cookies	1 Penyertaan

Contoh Penebusan

Pengguna	**Baki Awal**	**Ganjaran Ditebus**	**Cookies Digunakan**	**Baki Selepas Penebusan**
Pengguna A	15 Cookies + 1 Penyertaan Hadiah Utama	RM5 Touch 'n Go eWallet Reload PIN	10 Cookies	5 Cookies + 1 Penyertaan Hadiah Utama
Pengguna B	30 Cookies + 2 Penyertaan Hadiah Utama	LEXUS X Mofusand Tumbler	20 Cookies	10 Cookies + 2 Penyertaan Hadiah Utama
Pengguna C	45 Cookies + 3 Penyertaan Hadiah Utama	LEXUS X Mofusand Tote Bag	25 Cookies	20 Cookies + 3 Penyertaan Hadiah Utama